



Mencegah bank kuasa meletup

BAGI produk yang bergantung kepada bateri bagi mendapatkan kuasa seperti telefon pintar, kekuatan dan kebolehpercayaan alat bank kuasa (*powerbank*) yang digunakan adalah sangat penting.

Perkara ini menyebabkan pentingnya untuk mereka bentuk dan mengeluarkan bateri yang tahan lama dan tahan lasak. Dengan ini, membolehkan produk itu bersambung dengannya dengan lebih konsisten.

Walau bagaimanapun, tanpa mengira kualiti pembuatan alat bank kuasa, penggunaannya masih boleh gagal disebabkan oleh beberapa faktor lain yang.

Antaranya adalah kegagalan melampau seperti ancaman terbakar dan letupan. Sejak kebelakangan ini, peningkatan bilangan kes masalah ini telah dilaporkan.

Antara beberapa sebab yang menyebabkan alat bank kuasa ini meletup adalah seperti berikut.

1 Penggunaan bateri boleh dicas semula tidak berkualiti. Terdapat alat bank kuasa ini yang menggunakan bateri yang dikitar semula atau bateri lithium-ion yang murah.

2 Penggunaan reka bentuk litar yang tidak cekap. Sistem litar perlu ada fungsi pencegahan seperti mengenal pasti situasi litar pintas, naik turun suhu dan terlebih kuasa.

3 Penggunaan alat bank kuasa yang tidak betul dan tidak selamat.

Beberapa langkah yang boleh diambil untuk mencegah daripada berlakunya alat bank kuasa meletup atau terbakar.

1 Penggunaan pengecas alat bank kuasa yang asli.

2 Pastikan keadaanya sentiasa dalam kering, tidak terdedah pada situasi panas dan jangan sesekali membuka alat ini untuk apa sahaja tujuan.

3 Jangan sambungkan dengan sebarang alat lain ketika mengecas.

4 Elakkan daripada jatuh atau terkena tekanan yang boleh menyebabkan komponen elektronik di dalamnya bermasalah.

5 Elak daripada berlakunya pengecasan yang terlebih kuasa terutama ketika waktu tidur malam.

6 Elakkan daripada menggunakan alat ketika berlaku pengecasan kerana peningkatan haba panas akan berlaku dan menyebabkannya terlebih panas.